

16 APR 2001

Ong-Rumah

HARGA RUMAH KOS RENDAH DITENTUKAN J/K KHAS PERUMAHAN

JASIN, 16 April (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, Kementerian itu tidak dapat mengkaji semula harga rumah kos rendah kerana ia ditentukan oleh Jawatankuasa Khas Perumahan yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, oleh itu sebarang permintaan untuk mengkaji semula harga rumah itu perlu dirujuk kepada jawatankuasa itu yang turut mengawalselia masalah setinggan.

Ong berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu yang meminta kerajaan mengkaji semula kadar harga rumah kos rendah supaya ia mampu dimiliki oleh 117,000 setinggan dan bekas pekerja estet di negara ini.

Samy berkata kerajaan perlu mengarahkan pemaju supaya membina rumah berharga RM25,000 untuk golongan ini berbanding kadar biasa antara RM35,000 dan RM40,000.

"Kita (Kabinet) buat keputusan bersama dan pada asasnya kerajaan menentukan harga rumah kos rendah mengikut kategori bandar dan luar bandar," katanya kepada pemberita selepas melawat kampung baru Parit Keliling dan Bukit Katong di sini, hari ini.

Mengenai masalah setinggan pula, Ong berkata jawatankuasa berkenaan akan turut membincangkan masalah itu terutama soal perumahan mereka.

"Penyelesaian masalah setinggan di Jalan Klang Lama akan menjadi contoh untuk kita gunapakai di kawasan-kawasan setinggan lain di negara ini," katanya.

Ini kerana, masalah perumahan terutamanya di kawasan setinggan di Lembah Klang begitu mendesak dan ia perlu diselesaikan terlebih dahulu.

"Bagaimanapun, biarlah jawatankuasa berkenaan yang membuat keputusan mengenai perkara itu," katanya.

Pada majlis itu, Ong mengumumkan kerajaan akan memberi bantuan sebanyak RM105,000 kepada penduduk di kampung Bukit Katong dan RM140,000 di Parit Keliling untuk membina kemudahan awam seperti parit dan jalan.

Beliau berkata peruntukan itu akan disalurkan melalui Majlis Daerah Jasin dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) masing-masing untuk melaksanakan program prasarana berkenaan.

-- BERNAMA

SBS PR